

PM: Pilihanraya tidak kira masa

Oleh ROZAID ABDUL RAHMAN, YAHAYA AHMAD dan AZIZAN HASHIM

JITRA 9 Sept. — Kerajaan boleh mengadakan pilihanraya pada bila-bila masa walaupun sesetengah tindakan yang diambil menyebabkan kerajaan menjadi tidak popular, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak perlu mengelak daripada menyelesaikan apa juga masalah hanya semata-mata untuk menjaga kepentingannya dalam pilihanraya.

Beliau berkata, kerajaan boleh mengadakan pilihanraya pada bila-bila masa kerana 'ia bukan ada kaitan dengan masalah yang dihadapi oleh parti.'

Menurutnya, walaupun sesetengah daripada tindakan itu, termasuk dalam isu pengharaman kumpulan Al-Arqam baru-

baru ini menyebabkan kerajaan tidak begitu popular, namun ia tidak dapat dielakkan.

Kerajaan yang bertanggungjawab tidak boleh membiarkan Arqam menyebarkan ajaran palsu yang berterusan hanya semata-mata untuk menjaga kepentingan parti dalam pilihanraya, tegas beliau.

"Ini kita tak boleh buat walaupun dia mungkin menyebabkan kita tidak begitu popular...tetapi tanggung tugas kita untuk melindungi agama Islam, akan kita teruskan juga," jelasnya.

Beliau memberitahu demikian ketika bercakap kepada para pemberita di rumah Pegawai Daerah Kubang Pasu, Hashim Md. Noor selepas merasmikan persidangan perwakilan khas UMNO Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya, Da-

nya, mula menunjukkan tindakan melampau apabila pemimpinnya mengakui mempunyai sifat-sifat ketuhanan termasuk berjumpa Rasulullah dalam keadaan sedar.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kata Dr. Mahathir, perkara se-

tuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali turut menemui orang ramai sebelum menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Al Aqla, di sini.

Mengulas gesaan Majlis Peguam supaya kerajaan mendakwa ketua kumpulan Al-Arqam, Asaari Mohamad dan pengikutnya yang dituduh melakukan kesalahan bercanggah dengan undang-undang, Perdana Menteri berkata:

"Undang-undang dalam negara kita ini memperuntukkan sama ada seseorang itu dihadapkan ke mahkamah atau tidak, kalau kita berpendapat bahawa tak perlu dihadapkan ke mahkamah, maka kita tidak hadapkan dia ke mahkamah.

"Tetapi kalau kita berpendapat perlu dihadapkan ke mahkamah kita akan hadapkannya ke mahkamah," tegasnya.

Bagaimanapun, perkara itu (kes Asaari) terpulung kepada Peguam Negara

perti itu tidak boleh dibiarkan sehingga selepas pilihanraya hanya kerana hendak mengelak daripada UMNO dimusuhi.

"Ini sebab sebenarnya kerajaan bertindak demi tanggungjawab kepada agama Islam...bukannya disebabkan tujuan politik," tambah beliau.

untuk menentukannya, katanya.

Perdana Menteri menjelaskan tidak timbul soal pudarnya keghairahan sesetengah pihak terhadap pilihanraya berikutan berlakunya beberapa kejadian sejak kebelakangan ini.

"Kita bila-bila masa boleh mengadakan pilihanraya, ia bukan ada kaitan dengan masalah yang dihadapi oleh parti. Ini adalah keperluan negara," ujar Dr. Mahathir.

Dalam ucapannya sebelum itu, beliau menafikan tindakan kerajaan terhadap Arqam berasaskan motif politik seperti yang didakwa oleh beberapa pihak kebelakangan ini.

Kalau untuk menjaga kepentingan politik, katanya, adalah lebih baik bagi kerajaan tidak mengambil tindakan itu kerana Arqam tidak memberi banyak masalah kepada UMNO selama ini.

"Buat apa kita cari lebih

Sambil berseloroh, Dr. Mahathir berkata, beliau ada mendengar pengikut kumpulan itu akan menyokong DAP dalam pilihanraya umum, ekoran langkahan kerajaan itu.

"Kalau nak sokong DAP, sokonglah...tak apa...kalau dia percaya Lim Kit Siang," tambahnya.